

Sastera & Budaya

SAB- A2210/18

Cerpen:
Perang dan
Kuntuman
Bunga Lily



Muka B8

Budaya, sastera orang Suluk perlu dipertahankan

“NEL, nanti ada penggambaran filem dokumentari mengenai budaya orang Suluk. Datang kau ya,” kata Cikgu Hatta Yunus @ Sawabi, melalui telefon, pada 3 Januari 2018. Di Sandakan, jawabnya selepas aku bertanya di mana tempatnya.

Penggambaran dijalankan pada 13 Januari 2018 di sebuah rumah inap di Sandakan dengan kerjasama Jabatan Penyiaran Malaysia Sabah (RTM). Penerbit, Cik Alya Alvia Washif akan datang bersama pembantu penerbit, Cik Ramlah Othman, videografer, Awang Damit, dan seorang krew jemadin, pada tarikh yang ditetapkan, sambungnya.

Sehari sebelum penggambaran, kami sempat melawat lokasi penggambaran. Sebaik aku melewati pintu pagar masuk, kelihatan sambulayang terpacak gagah menghiasi jalan masuk ke rumah inap. Manakala beberapa anak muda kelihatan sedang memasag luhul atau kain langit-langit, kikitilan atau tabir pendek menghiasi keliling atas dinding dan pagsandingan atau pelamin dihias indah dengan sentuhan tradisi lama, sesuai dengan majlis keramaian yang biasa dilakukan oleh orang Suluk sejak zaman dahulu.

Keesokannya sedikit perbincangan dimulakan dengan pihak RTM mengenai atur cara penggambaran sepanjang hari. Penggambaran tertumpu pada dua bahagian; bahagian pertama adalah *pagtayaan* (perkahwinan) dan bahagian kedua adalah *pagpapurut* (cukur jambul). Dalam bahagian pertama, iaitu *pagtayaan* disaksikan dengan beberapa upacara adat dalam menyempurnakan perkahwinan seperti adat *pagligu pangantin* iaitu adat bersiram pengantin, dan *magpassai* (berinai). Manakala di bahagian kedua, majlis *pagpapurut* pula disaksikan dengan upacara adat *magtimbang* atau bertimbang (naik ayun).

Bayi kecil dimasukkan ke dalam kain yang dibentuk seperti ayunan dan diimbangi oleh sebbi kelapa (pangtusan) yang sudah tumbuh daunnya, semangkuk beras yang dibungkus, tebu yang dikerat empat kemudian diikat rapi dan seekor ayam muda. Bahan-bahan tersebut diletak di hujung kayu bagi mengimbangi bayi dalam kain itu. Setelah itu seorang lelaki yang dikenali sebagai imam memusing ayunan ke sebelah kanan sambil diiringi bacaan salawat



SALAH satu upacara dalam adat perkahwinan masyarakat Suluk.

dan doa-doa yang dipetik dari al-Quran.

Sekitar pukul 9.30 pagi, acara dimulakan dengan upacara adat *pagligu pangantin*. Ia dilakukan oleh seorang perempuan dalam lingkungan umur 60an yang dikenali sebagai *pagliggu* dan dibantu oleh dua orang perempuan yang berumur. Ia juga bertujuan untuk menaikkan seri wajah pengantin, menguatkan semangat pengantin dan doa kesejahteraan kepada pengantin yang sudah ingin hidup berkeluarga.

Sepanjang upacara adat ini dilakukan, ia diiringi dengan alunan *lagu* yang menyendui oleh seorang *manglalugu* lelaki atau wanita. *Manglalugu* mendendangkan *lagu* sebagai lagan atau dodoian kepada pengantin. Lazimnya maksud *lagu* yang dialunkan banyak berkisar tentang cinta, nasihat berumah tangga yang berkait tentang kelahiran dan kehidupan yang baik.

Cikgu Hatta yang merupakan seorang guru yang menajurui Persatuan Kebudayaan Kesenian dan Warisan Suluk di Sandakan, yang juga telah didaftarkan dan menjalankan pelbagai aktiviti kebudayaan dan kesenian orang Suluk di Sandakan dan di Sabah amnya menjelaskan, bahawa dalam kehidupan berkeluarga pasti ada pasang surutnya, susah dan senangny. Dan ini sama sifatnya dengan nama orang Suluk itu sendiri yang dinisbahkan kepada arus deras di tengah samudera serta semangat masyarakat ini sebagai pembela agama Islam seperti arus yang mengalir tanpa henti.

Oleh sebab itu, katanya



KRU RTM sedang merakam mangalay.

lagi, dari segi bahasa pertuturan sesama orang Suluk, mereka menyebut bangsa mereka sebagai, Tau Sug. Dalam pertuturan bahasa Malaysia pula, mereka dikenali sebagai orang Suluk yang sama artinya dengan Tau Sug. Dan masyarakat di Sabah maklum, bahawa dalam Interpretation (Definition of Native) Ordinance 1952, orang Suluk adalah Anak Negeri Sabah atau *Native of Sabah*. Supaya istilah atau nama

ini difahami dengan lebih mendalam, Cikgu Hatta menghuraikan mengapa ada wujudnya perkataan *sug* dan suluk. Katanya, *sug* adalah perkataan kuncupan dari perkataan lama *sulug*, dalam bahasa Suluk, yang disebut oleh orang Melayu sebagai suluk. Istilah “Tau Sug” asalnya dari dua suku kata, *tau* dan *sug*. Masing-masing bererti, “orang” dan “arus”. Secara harfiahnya ia bermaksud, “orang arus”.



Ia mempunyai hubungkait dengan kehidupan orang Suluk yang gemar berdagang mengikut atau menongkah arus dalam pelayaran merentasi lautan. Dan pada zaman dahulu lautan berfungsi sebagai jalan, lebuhraya atau lautan.

Kembali kepada upacara adat *pagligu pangantin*. Ia adalah salah satu upacara penting sebelum majlis pernikahan disempurnakan. Selesai pernikahan, majlis *pagpanding* dihiburkan dengan *paggabbang* dan *mangalay* (menari) yang dipanggil *paglami-lami*, yakni hiburan. *Paggabbang* adalah satu perbuatan bermain dengan *gabbang* atau zilofon buluh bambu. Ia terdiri daripada set batang buluh trapezoid yang secara umumnya mempunyai 12 ke 22

batang buluh. Ia dimainkan oleh seorang *paggabbang* (pemain *gabbang*) wanita atau lelaki dengan diiringi lagu. *Paggabbang* berbalas-balasan atau bersindir-sindir dengan cepat dan tepat sesama mereka melalui lagu. Ia dikenali *pagindil*, penuh dengan *courtship wordplay* atau mengoda dengan bermain kata. Contoh ayat *pagindil* adalah seperti di bawah ini:

Wanita.
Bang in tuntunku kaymu sumalita tahanna aku dumumal patta'.

Bila rinduku padamu serta aku hanya mampu melihat gambar.

Lelaki
Asal-asal in kita ayang naghibiyaksa woyi tuad aku kaymu ayang nalupa.

Memang kita ayang sudah biasa tidak pernah aku ayang terlupakannu.

Selepas penggambaran upacara adat *pagligu pangantin*, *paggabbang* dan *pagkawin* (pernikahan), penggambaran upacara adat *pagpapurut* pula dimulakan. Aku tidak membincangkan tentang upacara adat *pagkawin* secara terperinci di sini, kerana ia sama dengan upacara pernikahan yang biasa dilakukan oleh Muslim yang lain, kecuali *magba'tal* (membatalkan) dengan *tisaan in ut kilay sin babai* (menyentuh pertengahan kening wanita).

Upacara adat *pagpapurut* orang Suluk adalah salah satu budaya cukur jambul untuk anak yang baharu seminggu lahir. Namun, upacara adat ini boleh dilakukan pada bila-bila masa yang sesuai mengikut kemampuan keluarga. Ia disertakan dengan upacara adat *pagtimbang* bertujuan untuk menghindari perkara tidak baik akan berlaku ke atas

bayi. Bayi ditimbang dengan memasukkan ke dalam ayunan atau buaian serta meletakkan seekor ayam, dan mengantungkan bungkus beras, dan ikatan tebut di atas kayu timbangan.

Dalam penggambaran ini, majlis dilakukan dengan mengikut cara kebiasaan atau adat tradisional orang Suluk yang tinggal di kampung. Seperti masyarakat lain di Sabah, adat istiadat dalam orang Suluk hari ini, menghadapi perubahan zaman yang cukup moden. Generasi baharu hari ini kurang menitik berat hal-hal adat sendiri dalam kehidupan mereka.

Kata Cikgu Hatta, dalam pengamatannya, orang Suluk pada masa ini yang tinggal di perumahan-perumahan bandar sering mengadakan majlis perkahwinan di hotel atau dewan. Ia bertujuan untuk mengurangkan beban keluarga dalam mengatur, pinjam-meminjam, dan semata-mata menghiburkan para tetamu. Majlis perkahwinan yang selalunya dibuat di kampung dengan didatangi dan dibantu oleh seluruh sanak saudara seminggu sebelum hari majlis diadakan, sudah kurang dilakukan.

Sungguhpun masa tidak mengizinkan untuk menyaksikan keseluruhan upacara adat ini, penggambaran memperlihatkan keunikan budaya yang terdapat dalam masyarakat Suluk. Bertolak dari itu, Persatuan Suluk di Sandakan mengambil inisiatif untuk memberi kesedaran kepada generasi baharu agar dapat mempelajari seterusnya menghayati adat warisan bangsa ini seperti mengadakan kolaborasi program berkaitan dengan agensi kerajaan dengan mengadakan kajian berkaitan untuk dibukukan sebagai dokumen budaya orang Suluk. -Artikel Sumbangan NELSON DINO



CIKGU Hatta menjelaskan mengenai adat perkahwinan Suluk.

